

# Amaran hujan di Sarawak, angin kencang di Pantai Timur

KUALA LUMPUR 9 Jan. - Hujan sekejap-sekejap kadangkala sederhana dijangka berlaku di beberapa bahagian di Sarawak bermula esok hingga Sabtu ini.

Keadaan itu boleh menyebabkan banjir di kawasan rendah, kata Jabatan Meteorologi dalam kenyataan hari ini.

Daerah yang terlibat adalah Kuching, Samarahan, Betong, Sri Aman, Sarikei, Sibu, Mukah dan Bintulu.

Jabatan itu turut mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori ketiga dengan ke-

 Angin kencang dan laut bergelora itu dijangka berterusan sehingga Ahad, 13 Januari dan keadaan itu berbahaya kepada semua aktiviti pantai serta perkapalan termasuk pekerja di pelantar minyak, menangkap ikan dan perkhidmatan feri

lajuan angin timur laut dari 60 kilometer sejam (km/j) dan ombak melebihi 4.5 meter di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pa-

hang, Johor Timur, Samui, Tioman, Condore, Reef North, Layang-layang dan Palawan.

Amaran kategori kedua iaitu an-

gin kencang timur laut berkelajuan 50-60 km/j dengan ombak mencapai ketinggian 4.5 meter pula dikeluarkan untuk kawasan perairan Sarawak (Rejang, Mukah, Bintulu dan Miri), Labuan, Sabah (Pedalaman, Pantai Barat dan Kudat) dan Reef South.

Angin kencang dan laut bergelora itu dijangka berterusan sehingga Ahad, 13 Januari dan keadaan itu berbahaya kepada semua aktiviti pantai serta perkapalan termasuk pekerja di pelantar minyak, menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Angin kencang dan laut bergelora kategori pertama dengan kelajuan angin 40-50 km/j dan ombak setinggi 3.5 meter dijangka berlaku sehingga 13 Januari di perairan Sarawak (Kuching), Sabah (Sandakan), Bunguran dan Sulu.

Kawasan pantai di Sarawak (Kuching) turut terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut, dan dijangka berterusan sehingga Jumat, 11 Januari.

Keadaan itu berbahaya kepada bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut. - BERNAMA